

03 OCT 2001

MAHATHIR-KOREA

PENGELUAR AUTO KOREA SELATAN DIGESA MELABUR DI MALAYSIA

PETALING JAYA, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap para pengeluar auto Korea Selatan bukan sahaja mengeksport kereta-kereta mereka ke Malaysia, tetapi melabur dalam usaha sama-usaha sama untuk mengeluarkan komponen automotif yang boleh dijual kepada para pengeluar automotif tempatan.

Pelaburan seperti ini akan membolehkan firma-firma automotif Malaysia mendapat faedah daripada kemahiran auto Korea Selatan dalam menguruskan industri-industri mereka dan dapat mengeluarkan kereta yang murah dan berkualiti serta amat berdaya saing, katanya.

"Saya harap Kia dan pengeluar auto Korea lain akan melihat kepada melabur dalam pengeluaran komponen automotif bagi Malaysia dan negara-negara lain di rantau Asean agar ia dapat merendahkan harga kenderaan bermotor," katanya di pelancaran Kia Spectra yang dipasang siap di dalam negara, di sini hari ini.

Korea Selatan dikenali kerana mengeluarkan komponen-komponen automotif berkualiti tinggi pada kos yang lebih rendah.

Dr Mahathir berkata beliau mengkagumi ketahanan rakyat Korea Selatan dalam menjadikan negara mereka satu kuasa ekonomi dan perusahaan yang boleh mengeluarkan hampir apa sahaja pada kos yang amat rendah dan setanding dengan Jepun dan negara-negara maju lain.

Ini berlaku walaupun walaupun dilanda kelembapan ekonomi krisis kewangan serantau yang memaksa Korea Selatan mendapatkan bantuan kewangan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Mereka dapat membayar balik AS\$58 bilion (kepada IMF) tahun lepas yang merupakan satu pencapaian luar biasa," katanya.

Kumpulan syarikat Naza kini menjalankan pemasangan Kia Spectra di dalam negara menerusi sebuah entiti usaha sama yang diterajui oleh Kia Motors Corporation dari Korea.

Kumpulan Naza mensasarkan penghantaran 5,000 buah model kereta itu pada tahun pertama operasinya.

Kerja sama antara Kia Motors dan kumpulan Naza bermula pada 1996 apabila penjual kereta tempatan itu membawa masuk kenderaan pacuan empat roda, Kia Sportage, ke pasaran tempatan. -- BERNAMA

MK MKO SHY JR